



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 2, (December, 2020)

Penerbitan jurnal bidang Pengajian Islam di Malaysia: suatu sorotan terhadap pangkalan data *Myjurnal*

[Journal of Islamic Studies in Malaysia: a highlights of the Myjurnal database]

Khairulnazrin Nasir^{1*}, Marina Muhammad Razaki² & Amrina Rasyada Kamaruzaman³

Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Khairulnazrin Nasir. Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. E-mail: khairulnazrin19@gmail.com. Phone: +6013 3242865.

Keywords:

MyJurnal, articles, Islamic studies, references, journals.

ABSTRACT

One form of scholarly writing is an article that is published by a journal. Accordingly, the education arena in Malaysia is also actively publishing quality scientific journals; as of 2020, there are over 500 journals that have been published in Malaysia and are listed in the MyJurnal database, with 107 journals themed writing in the field of Islamic studies. As such, this study aims to identify the themes and styles of reference writing that are set by the publishers of journals in the field of Islamic studies. Through a qualitative research methodology that is based on the content analysis approach, the results of the study had found that there are five main themes for the journals, namely, the field of Islamic studies in general, the field of Sharia, the field of al-Quran and hadith, the field of faith and thought, and the field of Islamic history. In addition, 94 journals (87.85%) have used the American Psychological Association (APA) reference style, while the remaining 13 journals (12.14%) have applied The Chicago Manual of Style (CMOS) style. Therefore, this disclosure can help the authors in the preparation and writing of article manuscripts. The selection of themes and adherence to the format that are outlined by the publisher is the main criteria for the acceptance of an article to be published in a scientific journal.

Kata Kunci:

MyJurnal, artikel, pengajian Islam, rujukan, jurnal.

ABSTRAK

Salah satu bentuk penulisan ilmiah ialah artikel yang diterbitkan oleh jurnal. Arena pendidikan di Malaysia turut giat menerbitkan jurnal-jurnal ilmiah yang berkualiti. Sehingga tahun 2020, terdapat lebih 500 jurnal diterbitkan di Malaysia dan disenaraikan dalam pangkalan data MyJurnal. Terdapat 107 buah jurnal bertemakan penulisan dalam bidang pengajian Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tema dan gaya penulisan rujukan yang ditetapkan oleh para penerbit jurnal bidang pengajian Islam. Kajian ini mengaplikasikan metodologi kajian secara kualitatif berdasarkan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat lima tema utama bagi jurnal-jurnal berkenaan, iaitu bidang pengajian Islam secara umum, bidang syariah, bidang al-Quran dan hadis, bidang akidah dan pemikiran dan bidang sejarah Islam.

Selain itu, 94 buah jurnal (87.85 %) menggunakan gaya rujukan *American Psychological Association* (APA), sementara selebihnya, iaitu 13 buah jurnal (12.14 %) mengaplikasikan gaya *The Chicago Manual of Style* (CMOS). Oleh itu, pendedahan ini mampu membantu para penulis dalam penyediaan dan penulisan manuskrip artikel. Pemilihan tema dan pematuhan format yang digariskan oleh pihak penerbit merupakan kriteria utama kepada penerimaan sesebuah artikel untuk diterbitkan dalam jurnal ilmiah.

Received: September 18, 2020

Accepted: November 25, 2020

Online Published: December 16, 2020

1. Pendahuluan

Bidang akademik amat sinonim dengan penulisan ilmiah yang dipersembahkan dalam pelbagai jenis, struktur dan saiz. Tesis, disertasi, buku dan laporan penyelidikan ialah penulisan ilmiah yang berskala besar, sementara artikel dan laporan lebih ringkas dan padat. Bahan-bahan ilmiah ini diterbitkan dan disebar kepada golongan sasaran mahupun masyarakat awam. Tinjauan penulisan akademik mempunyai peranan penting dalam memberikan sesuatu dapatan dan proses serta pendekatan yang diaplikasikan (Horowitz, 1986). Kaedah penerbitan artikel akademik dan laporan penyelidikan paling popular dan berskala luas ialah jurnal ilmiah (Janesick, 1999).

Istilah “jurnal” berasal daripada bahasa Perancis silam yang bermaksud “setiap hari”. Jurnal merujuk kepada pelbagai jenis penulisan, sama ada bersifat catatan peribadi, organisasi dan akademik. Dalam bidang penerbitan jurnal merujuk kepada jurnal akademik sama ada dalam kajian saintifik, perubatan, majalah dan akhbar (Blake & Bly, 1993). Jurnal akademik dikenal pasti telah wujud seawal abad ke-17 (Cope & Phillips, 2014). Kandungannya ialah artikel-artikel yang ditulis oleh golongan profesional dalam sesuatu bidang. Jurnal menjadi medan dan forum untuk membincangkan dapatan kajian terbaharu, bertukar-tukar pengetahuan dan menambah baik kajian sedia ada (Blake & Bly, 1993).

Sebelum diterbitkan, artikel kebiasaannya dinilai secara ulasan sejawat (*peer-review*). Beberapa orang pakar lain dalam bidang yang sama menilai setiap artikel bagi memastikan kualiti sesebuah artikel (Lykke, 2014). Dewasa ini, jurnal dalam naskhah elektronik digunakan secara meluas dan mampu mengubah masa depan penyelidikan. Medium penyebaran hasil penyelidikan dilakukan secara atas talian dan mencapai sasaran yang lebih luas. Berdasarkan kajian para sarjana, penerbitan jurnal elektronik mendapat penerimaan yang tinggi daripada kalangan penyelidik dan penerbit (Rusch-Feja & Siebeky, 1999). Pendekatan ini kebiasaannya dikenali sebagai E-Jurnal (Zainab & Edzan, 2000).

Penulisan jurnal ilmiah di Malaysia telah bermula sejak zaman pra kemerdekaan dan melibatkan pelbagai lapangan keserjanaan (Roosfa Hashim, 2002; 2011; Tiew, 1998; & 2000). Menurut Hew (2001), jumlah jurnal ilmiah di Malaysia makin meningkat daripada masa ke masa. Setiap jurnal yang diterbitkan di negara ini sentiasa diaudit, dipantau untuk memastikan keaslian dan ketelitian para penerbit (Zainab, Sanni, Edzan & Koh, 2013). Fenomena intelektual ini turut melibatkan penerbitan jurnal ilmiah dalam bidang pengajian Islam. Bidang ini diklasifikasikan sebagai satu cabang dalam bidang sastera dan kemanusiaan (Bernasek & Bunt, 2010; Alia Arshad & Kanwal Ameen, 2018; Setiawan, 2019). Berdasarkan laman sesawang MyJurnal, jurnal-jurnal dalam bidang pengajian Islam disenaraikan dalam disiplin pengajian agama (*religion*).

Persoalannya, apakah tema dan skop perbincangan dalam jurnal-jurnal bidang pengajian Islam? Bagaimanakah kaedah dan gaya penulisan rujukan yang perlu dipatuhi oleh penyumbang artikel? Bagi menghuraikan persoalan tersebut, makalah ini akan membahaskan kategori jurnal pengajian Islam dan trend gaya serta format rujukan yang dipilih oleh para penerbit. Kajian seperti ini amat signifikan bagi memberi gambaran kepada ahli akademik dalam menyediakan manuskrip artikel mengikut format rujukan yang sesuai dan diaplikasikan secara meluas. Pematuhan terhadap terma yang digariskan oleh pihak penerbit membuka ruang yang lebih luas untuk sesuatu artikel untuk diterbitkan.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian secara kualitatif. Analisis kandungan merupakan metode paling tepat untuk mengkaji tentang laman sesawang dan bahan media yang lain (Mazur, 2010);


Neuendorf & Kumar, 2015 dan Nurdiana Azizan, Smith, Cooper & Bakar, 2018). Sumber data bagi kajian ini ialah pangkalan data MyJurnal.my (*Malaysia Citation Centre*) dan laman-laman sesawang khas bagi setiap jurnal. Kriteria jurnal-jurnal yang diteliti terbatas hanya dalam bidang pengajian Islam sahaja dalam pelbagai bahasa yang tersenarai dalam laman MyJurnal sahaja dan tidak melibatkan pangkalan data yang lain. Tempoh carian secara atas talian dijalankan dalam tempoh dua bulan bermula bulan Ogos sehingga September 2020. Justeru, data-data yang dikumpulkan adalah bersifat terkini. Kaedah carian dengan melayari bahagian subjek atau kategori “*Arts & Humanities*” dalam sub bidang “*Religion*”.

Sorotan terhadap jurnal-jurnal dilakukan secara deskriptif. Jurnal-jurnal dikategorikan mengikut tema, pihak penerbit, kekerapan penerbitan tahunan. Tumpuan kajian ialah kepada jenis dan gaya rujukan yang dipilih oleh pihak penerbit dan perlu dipatuhi oleh para penyumbang manuskrip artikel. Format rujukan dinyatakan secara jelas dalam laman sesawang atau melalui kaedah muat turun templat yang disediakan kepada penyumbang manuskrip artikel. Struktur kajian ini bermula dengan pendahuluan, penjelasan tentang metodologi kajian, rumusan dapatan kajian, perbincangan laporan dapatan dan diakhiri dengan kesimpulan. Perbincangan makalah ini banyak tertumpu kepada tema jurnal dan gaya penulisan rujukan. Dua aspek ini amat signifikan bagi penyediaan manuskrip artikel sebelum ia dihantar kepada pihak penerbit jurnal.

3. Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati jurnal-jurnal bidang pengajian Islam menasarkannya pelbagai jenis tema dan fokus. Terdapat lima jenis tema utama, iaitu bidang pengajian Islam secara umum, bidang al-Quran dan hadis, bidang akidah dan pemikiran, bidang syariah yang meliputi fiqh, muamalat dan undang-undang, dan bidang sejarah. Rumusannya dibentangkan secara ringkas dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Tema Jurnal Pengajian Islam Berdasarkan Fokus




Sumber: Analisis pengkaji

Rajah 1 menunjukkan catatan tertinggi ialah tema pengajian Islam secara umum yang meliputi pelbagai bidang iaitu 80 buah jurnal (81 %). Dalam erti kata lain, skop jurnal seperti ini agak luas meliputi penulisan dalam bidang-bidang seperti akidah, fiqh, muamalat, perundangan, isu kemasyarakatan dan sebagainya. Catatan kedua tertinggi ialah jurnal dalam bidang syariah, iaitu 13 buah jurnal (12 %), diikuti dengan jurnal bidang al-Quran dan hadis yang berjumlah 8 buah jurnal (7 %) dan jurnal akidah dan pemikiran Islam berjumlah empat buah jurnal (4 %). Skop jurnal dalam bidang sejarah dan tamadun Islam mencatatkan jumlah terendah iaitu dua buah jurnal sahaja (2 %). Kajian ini berpendapat bahawa skop yang luas merupakan strategi untuk menarik lebih ramai ahli akademik untuk menyumbang artikel kepada pihak penerbit berbanding jurnal dalam bidang tertentu yang hanya memiliki prospek yang lebih kecil.

Sementara itu, dapatan daripada analisis terhadap jenis format rujukan dalam artikel yang ditetapkan oleh pihak penerbit juga berbeza-beza. Trend menunjukkan pihak penerbit lebih memilih gaya APA (86 %) berbanding Chicago (14 %). Berdasarkan penelitian, hanya dua format tersebut sahaja yang diaplikasikan dan gaya-gaya rujukan lain tidak digunakan oleh penerbit jurnal-jurnal bidang pengajian Islam. Rumusannya ditunjukkan dalam rajah 2 di bawah:

Rajah 2: Jenis Format Rujukan Jurnal-jurnal Bidang Pengajian Islam




Sumber: Analisis pengkaji

4. Perbincangan

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian pendahuluan bahawa jurnal-jurnal dalam bidang pengajian Islam turut berkembang di negara ini. Sebahagian daripada jurnal-jurnal berkenaan telah dimuatkan dalam pangkalan data MyJurnal. Kuantitinya 107 buah jurnal yang meliputi pelbagai bidang dalam sektor pengajian Islam. Skopnya merujuk kepada penulisan tentang al-Quran dan hadis, kesusasteraan dan bahasa Arab, Usuluddin dan Falsafah, Syariah dan Perundangan Islam, Dakwah, Sejarah dan Tamadun Islam dan sebagainya (Jasmi & Tamuri, 2007). Berdasarkan penelitian terhadap pangkalan data MyJurnal, keseluruhan jurnal-jurnal bidang Pengajian Islam yang disenaraikan menyediakan akses terbuka kepada para pembaca. Butiran maklumat tentang jenis tema, penerbit, kekerapan penerbitan dan gaya rujukan jurnal-jurnal berkenaan dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai jurnal bidang pengajian Islam

Bil.	Nama Jurnal	Bidang Pengajian Islam (Umum)		
		Institusi	Penerbitan	Format
1.	Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities	USIM	2	APA
2.	Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues	KUIS	2	APA
3.	Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies	UIA	2	Chicago
4.	Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies	Usuli Faqih	3	APA
5.	Al-Risalah: Journal of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences	UIA	2	APA
6.	Al-Shajarah	UIA	2	APA
7.	Al-Sirat	KUIPSAS	1	APA
8.	Asian Journal of Behavioural Sciences	Asian Scholars Network	4	APA
9.	Asian Journal of Research in Education and Social Sciences	Asian Scholars Network	4	APA
10.	Asian People Journal	UNISZA	2	APA
11.	BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences	Nun Gemilang	4	APA
12.	Borneo International Journal	Majmuah	4	APA
13.	Borneo Journal of Social Sciences and Humanities	UCTS	2	APA
14.	E-Journal of Islamic Thought & Understanding	UITM	2	APA
15.	e-Journal of Media and Society	UITM	2	APA
16.	e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi	KUIS	2	APA
17.	Educatum Journal of Social Sciences	UPSI	1	APA



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
 Selangor International Islamic University College (KUIS)**
 Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
 Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
 Email: alirsyad@kuis.edu.my
 Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

JOURNAL AL-IRSYAD Vol. 5, No. 2, (December, 2020)

18.	Esteem Journal of Social Sciences and Humanities	UITM	2	APA
19.	Global Journal Al-Thaqafah	USAS	2	APA
20.	ICSSR e-Journal of the Social Science Research	KUIS	1	APA
21.	Ideology Journal	UITM	2	APA
22.	IIUM Journal of Educational Studies	UIA	2	APA
23.	IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies	UIA	2	APA
24.	Intellectual Discourse	UIA	2	APA
25.	International Journal of Asia Pacific Studies	USM	2	Chicago
26.	International Journal of Business and Management	RMP Publications	6	APA
27.	International Journal of Business and Technology Management	Asian Scholars	4	APA
28.	International Journal of East Asian Studies	UM	1	Chicago
29.	International Journal of Entrepreneurship and Management Practices	Global Academic Excellence	4	APA
30.	International Journal of Humanities, Philosophy and Language	Global Academic Excellence	4	APA
31.	International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works	Global Academic Excellence	4	APA
32.	International Journal of Social Science Research	Academia Industry Networks	4	APA
33.	International Online Journal of Language, Communication and Humanities (INSANIAH)	UM	2	APA
34.	Islam and Civilisational Renewal	IAIS	4	APA
35.	Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies	UKM	1	APA
36.	Journal of Contemporary Islamic Studies	UITM	2	APA
37.	Journal of Human Development and Communication	UMP	1	APA
38.	Journal of Islam in Asia	UIA	2	APA
39.	Journal of Islamic Studies and Thought for Specialized Research	SIATS	4	APA
40.	Journal of Islamic, Social, Economics and Development	Academic Inspired Network	4	APA
41.	Journal of Nusantara Studies	UNISZA	2	APA
42.	Journal of Qualitative Social Sciences	Asian Scholar Network	4	APA
43.	Journal of Quantity Surveying and Construction Business	UIA	2	APA
44.	Journal of Science and Management Research	Wardah Communication	2	APA
45.	Jurnal 'Ulwan	KUIS	1	APA
46.	Jurnal Akademik: IPG Kampus Pendidikan Islam	IPG	1	APA
47.	Jurnal Dunia Pengurusan	Asian Scholars Network	4	APA
48.	Jurnal Fiqh	UM	1	Chicago
49.	Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor	Kerajaan Negeri Selangor	2	APA
50.	Jurnal Inovasi Malaysia	UITM	2	APA
51.	Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari	UNISZA	3	APA
52.	Jurnal Kinabalu	UMS	1	APA
53.	Jurnal IPDA	IPG	1	APA
54.	Jurnal Melayu Sedunia	UM	1	APA
55.	Jurnal Pengajian Islam	KUIS	2	APA
56.	Jurnal Penyelidikan Islam	JAKIM	1	APA
57.	Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari	Academic Inspired Network	4	APA
58.	Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Pendidikan Islam	IPG	1	APA
59.	Jurnal Penyelidikan Sains Sosial	Academic Inspired Network	4	APA
60.	Jurnal Sains Sosial@Malaysian Journal of Social Sciences	KUIM	1	APA
61.	KATHA : The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue	UM	1	APA
62.	Malaysian Journal for Islamic Studies	UNISZA	2	APA
63.	Malaysian Journal of Qualitative Research	Qualitative Research Association of Malaysia	1	APA
64.	MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa	UMS	2	APA
65.	Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu	DBP	2	APA
66.	Muallim Journal of Social Sciences and Humanities	Persatuan Sains Sosial dan Kemanusiaan Muallim	4	APA
67.	Online Journal of Islamic Education	UM	2	APA
68.	Online Journal of Research in Islamic Studies	UM	3	Chicago
69.	Perdana: International Journal of Academic Research	Centre PLT	3	APA
70.	Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan	UPSI	2	APA
71.	Platform: A Journal of Management and Humanities	UTP	2	APA
72.	Rumpun Jurnal Persuratan Melayu	Persatuan Penulis Budiman Malaysia	1	APA
73.	Sains Humanika	UITM	2	APA
74.	Southeast Asian Social Science Review	Persatuan Sains Sosial Malaysia	2	Chicago
75.	Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World	IKIM	2	Chicago
76.	Trends in Social Sciences	Asian Scholar Network	3	APA
77.	Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences	USIM	2	APA
78.	Umran - International Journal of Islamic and Civilizational Studies	UITM	3	APA
79.	UMT Journal of Undergraduate Research	UMT	4	APA
80.	Zulfaqr International Journal of Politics, Defence & Security	UPNM	2	APA

Dalam pada itu, terdapat jurnal yang hanya menyediakan platform bagi penulisan akademik dalam bidang syariah dan perundangan Islam sahaja. Ia meliputi ruang lingkup ilmu Fiqh kontemporari, Usul Fiqh, isu-isu berkaitan dengan fiqh, undang-undang, fiqh muamalat, dan sebagainya. Kajian ini mendapati terdapat 13 buah jurnal yang menetapkan tema berkenaan. Butirannya ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Senarai jurnal dalam bidang syariah dan perundangan Islam

Bidang Syariah dan Perundangan Islam				
Bil.	Nama Jurnal	Institusi	Penerbitan	Format
1	International Journal of Fiqh and Usul al-Fiqh Studies	UIA	2	APA
2	International Journal of Islamic Business	UUM	2	APA
3	International Journal of Muamalat	UNISHAMS	1	APA
4	International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam	Global Academic Excellence	4	APA
5	Journal of Contemporary Islamic Law	UKM	2	APA
6	Journal of Fatwa Management and Research	USIM	4	APA
7	Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance	UITM - Melaka	2	APA
8	Journal of Management and Muamalah	KUIS	2	APA
9	Journal of Muwafaqat	KUIS	2	APA
10	Journal of Shariah Law Research	UM	1	APA
11	Jurnal Muamalat	JAKIM	1	APA
12	Jurnal Syariah	UM	3	Chicago
13	Malaysian Journal of Syariah and Law	USIM	2	APA

Bidang kajian al-Quran turut menjadi tema jurnal seperti *Quranica- International Journal of Quranic Research* (UM). Bidang ini meliputi kajian tentang tafsir, qiraat, *tarannum*, tahfiz, al-Quran dan Sains, tajwid dan sebagainya. Sementara itu, dua jurnal iaitu *Jurnal Hadis* (KUIS) dan *Journal of Hadith Studies* (USIM) pula merupakan wadah bagi penulisan dalam ilmu hadis sama ada *ulum hadith* dan *fiqh hadith*. Manakala lima buah jurnal menghimpunkan kedua-dua bidang al-Quran dan hadis. Perinciannya dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Senarai jurnal dalam bidang al-Quran dan hadis

Bidang al-Quran dan hadis				
Bil.	Nama Jurnal	Institusi	Penerbitan	Format
1	Al-Bayan: Journal of al-Quran and al-Hadith	UM	2	Chicago
2	Al-Burhan: Journal of Qur'an and Sunnah Studies	UIA	2	APA
3	Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah	UKM	2	APA
4	Hadis	KUIS	2	APA
5	Quranica- International Journal of Quranic Research	UM	2	Chicago
6	Journal of Hadith Studies	USIM	2	APA
7	Maalim Quran wa al-Sunnah	USIM	2	APA
8	Revelation and Science	UIA	2	APA

Hasil penelitian turut mendapati empat buah jurnal menerbitkan makalah dan kajian ilmiah berkaitan ilmu akidah dan pemikiran Islam. Demikian merangkumi perbahasan ilmu kalam, falsafah, tasawuf, perbandingan agama, mantik dan pemikiran Islam di Alam Melayu. Info lanjut tentang jurnal-jurnal tersebut seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: senarai jurnal dalam bidang akidah dan pemikiran Islam

Bidang Akidah dan Pemikiran Islam				
Bil.	Nama Jurnal	Institusi	Penerbitan	Format
1	Afkar : Journal of Aqidah and Islamic Thought	UM	2	Chicago
2	International Journal of Islamic Thought	UKM	2	APA
3	Jurnal Tarekat Tasawuf Antarabangsa (International Journal of Sufism)	Pertama	2	APA
4	Jurnal Usuluddin	UM	2	Chicago

Jurnal al-Tamaddun dan *Jurnal Peradaban* merupakan dua jurnal akademik yang diterbitkan oleh Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kedua-duanya menjadi platform kepada para ahli akademik menyumbangkan hasil kajian dan penulisan mereka dalam bidang sejarah, tamadun, pemikiran, sistem dan aspek pembangunan daripada perspektif Islam. Maklumat lanjut tentang frekuensi penerbitan dan format rujukan dipaparkan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Senarai jurnal dalam bidang sejarah dan tamadun Islam


Bidang Sejarah dan Tamadun Islam				
Bil.	Nama Jurnal	Institusi	Penerbitan	Format
1	Journal of al-Tamadun	UM	2	Chicago
2	Jurnal Peradaban	UM	1	APA

Dapatan kajian paling utama ialah majoriti penerbit jurnal bidang pengajian Islam, yang berjumlah 94 buah jurnal menetapkan gaya rujukan APA (*American Psychological Association*) sebagai format rujukan dalam artikel. Stail ini digunakan secara meluas dalam kajian sains sosial khususnya psikologi (Levitt, Bamberg, Creswell, Frost, Josselson & Suárez-Orozco, 2018). Selebihnya, iaitu 13 buah jurnal menggunakan gaya Chicago. Keputusan ini mengesahkan pernyataan Bara Kratcha (2020), Manjunatha dan Patil (2019) dan Long (2019) bahawa dua gaya rujukan tersebut merupakan pendekatan paling terkenal di samping MLA (*Modern Language Association*). Oleh itu, para penulis khususnya dalam pengajian Islam mendapat gambaran yang jelas dalam proses penyediaan manuskrip dan prospek jurnal yang disasarkan.

Terdapat pelbagai gaya rujukan dalam penulisan artikel ilmiah dan tesis. Kepelbagaian itu bergantung kepada cara merekodkan sumber. Format rujukan ilmiah dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama: gaya nota dokumentari, gaya kurungan atau tarikh penulis dan gaya nombor pada keluaran dan halaman. Dalam setiap kategori terdapat beberapa gaya rujukan yang sedikit berbeza. Format-format rujukan seperti Chicago (pelbagai bidang), MLA (bidang kemanusiaan), APA (bidang sains sosial, pendidikan dan perniagaan), CSE (sains biologi), AMA (bidang kejururawatan dan perubatan), ACS (bidang kimia), AIP (bidang astronomi), AMS (bidang sains komputer) dan IEEE dan ASCE (bidang kejuruteraan) (Lipson, 2011; Prasad, 2017). Pilihan kepada rujukan tersebut boleh dilakukan secara atas talian atau menggunakan perisian (Kasirun, 1997; Gilmour & Cobus-Kuo, 2011).

Kajian ini turut mendapati kategori latar belakang penerbit jurnal-jurnal pengajian Islam adalah berbeza-beza. Majoriti penerbit ialah institusi-institusi pengajian tinggi dan sebahagian yang bukan institusi pendidikan. Rumusannya dapat ditinjau dalam rajah 3 di bawah:

Rajah 3: Jenis-jenis penerbit jurnal bidang pengajian Islam di Malaysia



Sumber: Analisis pengkaji

Penerbitan jurnal pengajian Islam didominasi oleh institusi pendidikan sama ada institut pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan sebagainya; atau swasta seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), *The Scientific Institute for Advanced Training and Studies* (SIATS) dan sebagainya. Institut bukan pendidikan turut menyumbang dalam penerbitan jurnal bidang pengajian Islam sama ada oleh jabatan kerajaan (JAKIM, IKIM dan sebagainya); syarikat-syarikat swasta (seperti *Global Academic Excellence*, *Asian Scholar Network*); atau persatuan (seperti Persatuan Penulis Budiman Malaysia dan Persatuan Sains Sosial Malaysia).

Merujuk kepada latar belakang penerbit, kuantiti penerbitan jurnal pengajian Islam yang diterbitkan menunjukkan perbezaan dan jurang yang amat ketara. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti penerbit jurnal bidang pengajian Islam terdiri daripada institusi-institusi pengajian tinggi awam, yang berjumlah 64 buah jurnal (59.8 %). Catatan kedua tertinggi ialah jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat swasta yang berjumlah 25 buah jurnal (23.4 %). Sementara itu, institusi-institusi pengajian tinggi swasta menerbitkan 14

buah jurnal (13.1 %). Penglibatan paling rendah dalam menerbitkan jurnal-jurnal pengajian Islam oleh pihak jabatan-jabatan kerajaan yang hanya berjumlah empat buah jurnal (3.7 %). Kepelbagaian pihak penerbit jurnal bidang pengajian Islam menunjukkan suatu sinergi ke arah pengembangan dan penyebaran bahan kajian Islamik sesuai dengan perkembangan semasa. Malah, perkembangan penulisan bidang pengajian Islam lebih pesat sekiranya ahli akademik mengetengahkan idea dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan semasa (Madjid, 2018).

5. Kesimpulan

Makalah ini telah menjelaskan format dan gaya rujukan yang digunakan dalam jurnal-jurnal dalam bidang pengajian Islam yang disenaraikan dalam pangkalan data MyJurnal. Sebahagian besar tema jurnal adalah bersifat umum meliputi pelbagai bidang dalam pengajian Islam. Sementara penerbit lain menjadikan skop yang lebih khusus seperti bidang syariah, al-Quran dan hadis, akidah dan pemikiran dan sejarah. Daripada penelitian terhadap 107 buah jurnal, kajian ini mendapati 94 buah jurnal (87.85 %) menggunakan gaya rujukan *American Psychological Association* (APA), sementara selebihnya, iaitu 13 buah jurnal (12.14 %) mengaplikasikan gaya *The Chicago Manual of Style* (CMOS). Dapatan kajian mampu membantu ahli akademik untuk memilih jenis jurnal yang sesuai untuk menerbitkan artikel ilmiah. Justeru, makalah ini mengesyorkan kepada ahli akademik dan penerbit jurnal agar memilih gaya rujukan APA kerana prospek jurnalnya lebih luas. Selain itu, kajian ini turut mencadangkan supaya suatu kajian lanjutan bagi meneliti jenis dan tahap pengindeks (*indexer*) bagi jurnal-jurnal pengajian Islam di Malaysia. Isu signifikan ini perlu diberi perhatian bagi membantu jurnal-jurnal berkenaan lebih berimpak, dinamik dan bertaraf antarabangsa.

Rujukan

- Alia Arshad & Kanwal Aeen. (2018). Arts and humanities academics information needs in digital era. *International Conference on Knowledge Management (ICKM)* (2-9), UNT Digital Library, <https://digital.library.unt.edu/ark:/67531/metadc1393768/>.
- Bara Kratcha, K. (2020). *Handout: Chicago manual of style*. New York, NY: Columbia University Libraries.
- Bernasek, L., & Bunt, G. (2010). *Islamic studies provision in the UK*. United Kingdom, UK: The Higher Education Academy.
- Blake, G., & Bly, R. W. (1993). *The elements of technical writing*. New York, NY: Macmillan.
- Cope, B., & Phillips, A. (2014). *The future of the academic journal*. Amsterdam, Netherlands: Chandos Publishing.
- Gilmour, R., & Cobus-Kuo, L. (2011). Reference management software: A comparative analysis of four products. *Issues in science and technology librarianship*, 66, 63-75, DOI: 10.5062/F4Z60KZF.
- Hew, M. (2001). Scholarly journal publishing in Malaysia. *Journal of Scholarly Publishing*, 32(3), 164-168.
- Horowitz, D. M. (1986). What professors actually require: Academic tasks for the ESL classroom. *TESOL quarterly*, 20(3), 445-462. <https://doi.org/10.2307/3586294>.
- Janesick, V. J. (1999). A journal about journal writing as a qualitative research technique: History, issues, and reflections. *Qualitative inquiry*, 5(4), 505-524, <https://doi.org/10.1177%2F107780049900500404>.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran & pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Kasirun, Z. M. (1997). A tool for reference list generator. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 2(1), ISSN 1394-6234, dicapai <https://mjlis.um.edu.my/article/view/6623>.
- Levitt, H. M., Bamberg, M., Creswell, J. W., Frost, D. M., Josselson, R., & Suárez-Orozco, C. (2018). Journal article reporting standards for qualitative primary, qualitative meta-analytic, and mixed methods research in psychology: The APA publications and communications board task force report. *American Psychologist*, 73(1), 26, APA PsyNet, <https://psycnet.apa.org/fulltext/2018-00750-003.html>.
- Lipson, C. (2011). *Cite right: A quick guide to citation styles-MLA, APA, Chicago, the sciences, professions, and more*. Chicago: University of Chicago Press.
- Long, T. L. (2019). A history of citation styles. *Nurse Author & Editor*, 29(3), 6. NA&E Nurse Author and Editor, <https://naepub.com/writing-basics/2019-29-3-6/>.
- Lykke, N. (Ed.). (2014). *Writing academic texts differently: Intersectional feminist methodologies and the playful art of writing*. New York, NY: Routledge.

- Madjid, M. N. (2018). أهمية تكامل العلم النقلي والعقلي في البحوث والدراسات الأكاديمية. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 60-74. Al-Irsyad, <http://alirsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/6>.
- Manjunatha, K., & Patil, K. (2019). Major citation and reference styles for academic use. *Indian Journal of Applied Research*, 9(2), 35-36. <http://www.worldwidejournals.net/index.php/IJAR/article/view/443>.
- Mazur, E.. (2010). Collecting data from social networking web sites and blogs. In Samuel D. Golding & John A. Johnson (Eds.), *Advanced methods for conducting online behavioral research* (pp. 77–90). Washington, DC: American Psychological Association.
- Neuendorf, K. A., & Kumar, A. (2015). *Content analysis. The international encyclopedia of political communication*, 201-403. Wiley Online Library, dicapai <https://doi.org/10.1002/9781118541555.wbiepc065>.
- Nurdiana Azizan, Smith, R., Cooper, V., & Bakar, N. A. (2018). Qualitative content analysis: A case study of a Malaysian government education website. *Malaysian Journal of Science Health & Technology*, 1(1), 88-96. <http://www.jistm.com/archived.asm?dataid=56&iDisplayStart=0&aaSorting=&isSearchDetail=1&dataidExtend=467&iDisplayStartExtend=0&aaSortingExtend=&isSearchDetailExtend=1>.
- Prasad, M. M. (2017). *Usage of references and its management in research in scholarly communication and the publish or perish pressures of academia*. USA: IGI Global.
- Roosfa Hashim. (2002). Akademika 1972-2002: Pentas keserjanaan sains sosial Malaysia. *Akademika*, 61(1), 7-33. <http://103.219.237.47/akademika/article/view/2929>.
- Roosfa Hashim. (2011). Perkembangan jurnal ilmiah melayu dalam kalangan melayu watan. *Jurnal Melayu*, 6, 137-152. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/4982>.
- Rusch-Feja, D., & Siebeky, U. (1999). Evaluation of usage and acceptance of electronic journals. *D-lib magazine*, 5(10), 1082-9873. Stories, <http://dlib.org/dlib/october99/rusch-feja/10rusch-feja-full-report.html>.
- Setiawan, A. R. (2019). Designing an Islamic studies curriculum: Aligning the purpose of education and learning activities through traditional Islamic perspective and scientific literacy competencies. *Thesis Commons*, <https://doi.org/10.31237/osf.io/5d3tq>.
- Tiew, W. S. (1998). History of journal of the Malaysian branch of the royal asiatic society (JMBRAS) 1878-1997: An overview. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 3(1), 43-60. ISSN 1394-6234, <https://mjlis.um.edu.my/article/view/6644>.
- Tiew, W. S. (2000). Sejarah penerbitan jurnal sejarah di Malaysia 1846-1966: Satu tinjauan awal. *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, 8, 25-44. doi:10.22452/sejarah.vol8no8.2.
- Zainab, A. N., & Edzan, N. N. (2000). Malaysian scholarly e-journals: Focus on EJUM, a journal management system. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 5(2), 69-83. <https://mjlis.um.edu.my/article/view/6837>.
- Zainab, A. N., Sanni, S. A., Edzan, N. N., & Koh, A. P. (2013). Auditing scholarly journals published in Malaysia and assessing their visibility. *ArXiv Preprint arXiv:1301.5379*. Cornell University, <https://arxiv.org/abs/1301.5379>.